**Title: Family spirit expedites governance in LBKM**
**Media/Date: Berita Harian, 15 January 2016**
**Translated by: Zulayqha Zulkifli**




**STAFF**
They work at The Prophet Muhammad's Birthday Memorial Scholarship Fund Board (LBKM) as one family. It is this spirit of togetherness that anchors the staff at LBKM, both past and present.

The team is currently helmed by Major (retired) Muhamad Hassim Ahmad who has been with LBKM since 1995. He is assisted by four female colleagues who handle the financial and administrative matters of LBKM. Major Muhamad suggested that LBKM hire more workers due to the increasing workload over the years in line with the increase in the number of bursary applications.

Moving on from applications via typewriters, LBKM now uses computers aspects of the administration process. LBKM leverages on technology from the Bursary Management System as well as the Donors and Volunteers Management System to streamline process and improve workflow.

As LBKM is a charitable organisation, it has to follow financial operation and needs management guidelines imposed by the authorities. The staff also learned to be prudent in carrying out their duties so as not to waste money.

**DONORS**
The main source of funds for LBKM comes from donors. LBKM receives donations from the public through Flag Day, which is no longer done, Ramadan appeals and other activities that put LBKM in a good light. Some of such activities are car decal sales, charity drives, walkathons, tele-polls, charity golf and the annual *Korban*[1].

Donations are obtained from both Muslim and non-Muslim individuals, former bursary recipients and their families, businesses, companies, foundations, trusts, *wakaf*[2], organisations and mosques. Donations also include coins (from donation boxes) that amount to thousands of dollars.

**WAKAF AND OTHER GROUPS**
One of the bursaries is gifted from LBKM-managed *Wakaf* M.S.E[3] Angullia. There are also records of mosques that collect funds of behalf of LBKM (in addition to regular Flag Day and The Prophet Muhammad's Birthday collections).

---

[1] Refers to the sacrificial slaughtering of livestock.
[2] In Islamic *Shariah* law, a *Wakaf* is a recurring voluntary charitable endowment, from ones' personal belongings or wealth in the form of cash or property.
[3] Abbreviation of the name of a businessman, Allahyarham Mohamed Salleh Eusofe.

**MUIS**

LBKM also receives contributions from the Islamic Religious Council of Singapore (Muis). One of the eight categories of *zakat*[4] recipients is the *riqab* or people who have been freed from slavery or are still enslaved. In Singapore's context, this category refers to people who needs assistance in furthering their education. The disbursement for *riqab* includes educational grants for needy families, Muis scholarships, bursaries through LBKM and partial payment for GCE 'N'; 'O' and 'A' level examinations for students.

**CORPORATE AND ORGANISATIONS**

In the spirit of giving, non-Malay-Muslims too have contributed to LBKM. Companies, organisations and foundations make up a big part of corporate contributions. Tan Chin Tuan Foundation (TCTF) is an example of a regular donor for LBKM.

Keppel Club became aware of LBKM through its former CEO and has since been one of LBKM's largest corporate donors. Keppel Club has also organised Keppel Charity Golf to gather funds for 10 beneficiaries which includes LBKM's Annual Charity Golf.

Leung Kai Fook Medical Co Pte Ltd (known for axe brand oil) and Luxasia Pte Ltd, distributor for branded products have been LBKM's corporate sponsors for over a decade.

**INDIVIDUAL**

Sakina Yusuf Kagda is an individual who believes in community empowerment through education. The retired company director was once active in Haig Girl's school under the School Advisory Committee and at Singapore Muslim Women's Association (PPIS).

Former television personality Zack Zainal is not one to shy away from admitting that he was a LBKM bursary recipient in 1988 and 1989. Every year, Zack sponsors two bursaries that have been established under his parents' name for students in higher education. There are many other individuals like Sakina and Zack.

**WILL**

The recent Muslim donor profile includes individuals who have named LBKM as a beneficiary of their wealth after they have passed away.

**VOLUNTEERS**

Due to the small number of staff, LBKM relies on the support of volunteers. Since the early 1990s, more effort has been put in to get youths involved especially those from institutes of higher education.

LBKM's secretary, Halil Haji Mansor chairs the youth movement and rallies member support for fundraising. Treasurer, Harmizan Abdul Hamid has made known how LBKM had recruited youths like him through their Middle East Exchange Programme (Programme MEX) in the late 1990s.

A new initiative launched is the LBKM Youth Ambassador (YA) which aims to enhance the profiles of each scholarship or bursary recipient through character development and leadership opportunities.

*Excerpt is taken from the soon to be launched book by LBKM, "A Journey of giving. The LBKM Story".*

[4] Payment made annually under Islamic law on certain kinds of property and used for charitable and religious purposes.

# Semangat keluarga licinkan urus tadbir LBKM

Jan 15, 2016 | 5:30AM -- hermes
**Main Image:**




**KAKITANGAN**

MEREKA bekerja di Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud bagai satu keluarga.

Itulah semangat kekitaan 'keluarga' besar LBKM yang menjadi pegangan bekas kakitangan dan kakitangan LBKM hari ini.

Pasukan kakitangan LBKM kini diketuai oleh Mejar (Bersara) Muhamad Hassim Ahmad yang menyertai LBKM sejak 1995.

Beliau dibantu oleh empat rakan sekerja wanita yang mengendalikan hal-hal kewangan dan pentadbiran LBKM.

Mejar Muhamad mencadangkan supaya LBKM mengambil lebih ramai pekerja kerana beban kerja telah meningkat sejak beberapa tahun, sejajar dengan peningkatan dalam jumlah permohonan dermasiswa.

Kaedah pentadbiran juga mengorak langkah daripada kertas permohonan menggunakan mesin taip. LBKM kini mula menggunakan komputer bagi pelbagai aspek proses pentadbiran.

LBKM terus memanfaatkan teknologi bagi Sistem Pengurusan Dermasiswa dan Sistem Pengurusan Penderma dan Sukarelawan bagi menyelaraskan proses dan memperbaiki sisitem kerja.

Oleh kerana LBKM sebuah badan amal, ia perlu mematuhi garis panduan operasi kewangan dan ke- perluan tadbir urus yang dikenakan oleh pihak berkuasa.

Kakitangan juga belajar menjalankan kerja secara berhemah supaya tidak membazirkan wang.

**PENDERMA**

Sumber pendapatan utama LBKM diperolehi daripada penderma. LBKM menerima sumbangan daripada orang ramai melalui Hari Bendera yang kini tidak lagi diadakan, rayuan Ramadan, dan aktiviti lain yang membaikkan nama LBKM.

Aktiviti seperti penjualan pelekat kereta, amal, walkathon, telepol, golf amal, dan ibadah korban tahunan menyumbang kepada pendapatannya.

Derma diperolehi daripada individu Islam dan bukan Islam, bekas penerima dermasiswa dan ahli keluarga mereka, perniagaan dan syarikat, yayasan, amanah atau wakaf, organisasi dan masjid. Derma termasuk syiling (dari tabung) yang berjumlah ribuan dolar.

**WAKAF DAN KUMPULAN LAIN**

Salah satu dermasiswa daripada wakaf yang ditadbir oleh LBKM adalah Wakaf M.S.E Angullia (M.S.E adalah singkatan daripada nama ahli perniaga Allahyarham Mohamed Salleh Eusofe).

Terdapat juga rekod masjid yang mengumpulkan dana LBKM (sebagai tambahan kepada Hari Bendera biasa dan koleksi Maulud).

**MUIS**

LBKM juga menerima sumbangan daripada Majlis Ugama Islam Singapura (Muis).

Salah satu daripada lapan asnaf (kategori) penerima zakat adalah riqab atau orang yang membebaskan dirinya/diri daripada perhambaan atau belenggu perhambaan.

Di Singapura, kategori ini merujuk kepada mereka yang memerlukan bantuan bagi melanjutkan pelajaran.

Pembayaran bagi riqab termasuk: geran pendidikan bagi keluarga yang memerlukan, biasiswa Muis, dermasiswa melalui LBKM, dan bayaran separa peperiksaan peringkat GCE 'N'; 'O' dan 'A' bagi pelajar.

**KORPORAT DAN PERBADANAN**

Dalam semangat memberi, golongan bukan Melayu Islam juga telah menyumbang kepada LBKM.

Syarikat, organisasi dan yayasan membentuk sebahagian besar daripada sumbangan korporat.

Yayasan Tan Chin Tuan (TCTF) misalnya menjadi penderma tetap LBKM.

Menerusi mantan Ketua Pegawai Eksekutif Keppel Corporation Limited itu, Keppel Club mendapat tahu mengenai LBKM dan menjadi salah satu daripada penderma korporat terbesar LBKM .

Ia juga menganjurkan Keppel Golf Amal bagi mengumpul dana bagi sepuluh kebajikan termasuk Golf Amal Tahunan LBKM.

Syarikat Leung Kai Fook Medical Co Pte Ltd (terkenal dengan jenama minyak cap kapak) dan Luxasia Pte Ltd, pengedar produk berjenama, telah menjadi penaja korporat LBKM bagi lebih daripada satu dekad.

**INDIVIDU**

Seorang individu yang percaya kepada memperkasakan rakyat melalui pendidikan adalah Cik Sakina Yusuf Kagda.

Seorang pengarah syarikat yang telah bersara, Cik Sakina pernah aktif dalam Jawatankuasa Penasihat Sekolah Perempuan Haig dan Persatuan Pemudi-Pemudi Islam Singapura (PPIS).

Bekas personaliti televisyen Zack Zainal pula tidak malu mengakui bahawa beliau adalah seorang penerima dermasiswa LBKM pada 1988 dan 1989.

Setiap tahun, Zack menaja dua dermasiswa bagi pelajar peringkat pengajian tinggi yang ditubuhkan atas nama ibu bapanya.

Terdapat ramai lagi individu seperti Cik Sakina dan Zack.

**WASIAT**

Baru-baru ini, profil penderma Muslim termasuk beberapa orang yang telah menamakan LBKM sebagai benefisiari harta mereka apabila mereka meninggal dunia.

**SUKARELAWAN**

Dengan jumlah kakitangan yang sedikit, LBKM bergantung kepada sukarelawan.

Daripada awal 1990-an, lebih banyak usaha diberikan bagi melibatkan golongan belia terutama mereka daripada institusi pengajian tinggi.

Setiausaha LBKM, Encik Halil Haji Mansor, mengetuai Pergerakan Pemuda dan mendapat sokongan ahli bagi membantu LBKM dalam usaha mengumpul dana.

Bendahari LBKM, Encik Harmizan Abdul Hamid, memberitahu bagaimana LBKM telah merekrut belia sepertinya melalui Program Pertukaran Pendidikan Timur Tengah (Program MEX) pada akhir 1990-an.

Inisiatif terbaru yang dilaksanakan ialah Program Duta Belia LBKM (YA) yang bertujuan me- ningkatkan profil setiap penerima biasiswa atau dermasiswa melalui pembangunan watak dan peluang kepimpinan.

- *Dipetik daripada buku "A Journey of Giving. The LBKM Story"yang bakal dilancarkan oleh LBKM.*

**Category:**
Kegiatan [1]
**Blurb:**

MEREKA bekerja di Lembaga Biasiswa Kenangan Maulud bagai satu keluarga.

Laluan separuh abad LBKM [2]

**Source URL:** http://specials.beritaharian.sg/sgbagus/kegiatan/semangat-keluarga-licinkan-urus-tadbir-lbkm

**Links:**
[1] http://specials.beritaharian.sg/taxonomy/term/129
[2] http://specials.beritaharian.sg/sites/default/files/bh_20160115_lbkm_liverynx84_2067821.pdf